

Sukuk RM8 bilion diterbitkan

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan menerbitkan sukuk jaminan kerajaan bernilai RM8 bilion sebagai fasa pertama pembiayaan landasan Sungai Buloh-Kajang (SBK Blue Line) projek My-Rapid Transit (MRT) yang dianggarkan bernilai lebih RM30 bilion.

Terbitan itu dibuat melalui Danainfra Nasional Bhd. (Danainfra), sebuah unit Kementerian Kewangan Diperbadankan yang diberikan mandat sebagai jentera pembiayaan khas untuk memudahkan usaha mengumpul dana bagi projek MRT itu.

Pegawai Utamanya, Fazlur Rahman Ebrahim berkata, tarikh sasaran bagi terbitan sulung itu ialah 20 Julai ini manakala pengumpulan bidaan dijangka bermula 9 Julai ini.

"Terbitan pertama berkeungkinan dalam bentuk Nota Jangka Sederhana Islam berjumlah RM2.4 bilion dengan tempoh matang disasarkan selama 10, 12, dan 15 tahun.

"Kami bercadang menerbitkannya setiap suku tahun dan RM8 bilion itu dijangka habis digunakan sepenuhnya menje-

lang 30 Jun, 2013," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian Program Kertas Komersial Islam dan Nota Jangka Sederhana Islam di sini semalam.


Turut hadir ialah Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Danainfra melantik empat bank sebagai pengatur utama bersama dan pengurus utama bersama bagi program pembiayaan sukuk tersebut.

Bank tersebut ialah AmInvestment Bank Bhd., CIMB Investment Bank Bhd., Maybank Investment Bank Bhd. dan RHB Investment Bank Bhd.

Sehingga kini, 33 pakej kerja yang bernilai RM15.5 bilion daripada 85 pakej telah diagihkan bagi SBK Blue Line dari Sungai Buloh merentasi bandar raya Kuala Lumpur menuju ke Kajang dan meliputi jarak sepanjang 51 kilometer melalui 31 stesen.

Sebanyak 33 pakej yang telah diagihkan itu termasuklah pakej kerja yang melibatkan saiz yang besar seperti jejambat dan stesen bawah tanah.



HUSNI (kanan) diberi penerangan mengenai status terkini projek MRT di Kuala Lumpur semalam.